

## **Antologi Pantun**

### **Editors:**

Amir Khalid<sup>1</sup>, Akmal Nizam Mohammed<sup>2</sup>, Mohamad Zamirularif Tabri<sup>3</sup>,  
Nurul Hannah Mohd Safiee<sup>4</sup>, Nurnisa Akila Abd Kadir<sup>5</sup>

### **Emel:**

amirk@uthm.edu.my<sup>1</sup>, akmaln@uthm.edu.my<sup>2</sup>, zamirul@uthm.edu.my<sup>3</sup>,  
nurnisa@uthm.edu.my<sup>5</sup>

**Abstrak:** Antologi Pantun adalah buku yang menghimpunkan koleksi pantun yang diperoleh daripada teks ucapan majlis-majlis di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Buku ini juga turut memuatkan beberapa pantun hasil nukilan kakitangan UTHM. Pantun pertama, iaitu nukilan Ruzairi Rahim adalah pantun yang pernah diucapkan oleh yang Berbahagia Naib Canselor dalam majlis-majlis yang pernah diadakan. Pantun kedua, iaitu nukilan Lokman Hakim Hj Ismail adalah pantun yang pernah diucapkan oleh yang Berbahagia Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dalam majlis-majlis yang pernah diadakan di UTHM. Pantun ketiga, nukilan Rosdi Abdullah pula merupakan pantun-pantun yang dihasilkan oleh beliau dalam majlis-majlis yang pernah diadakan di Pusat Kebudayaan UTHM. Pantun keempat pula, nukilan Rozana Mohd Jalil merupakan pantun-pantun yang dihasilkan beliau sebagai pengacara dalam majlis-majlis yang pernah diadakan di UTHM. Pantun seterusnya merupakan nukilan daripada Pusat Pengajian Bahasa dan Pusat Pengurusan Penyelidikan. Buku Antologi Pantun ini diakhiri dengan koleksi pantun hasil nukilan daripada warga Universiti Tun Hussein Onn Malaysia yang turut memberi sumbangan dalam penghasilan buku ini.

**Kata Kunci:** Pantun, majlis, ucapan, teks

KUMPULAN PANTUN  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN  
MALAYSIA



UTHM  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



AMANAH • PROFESIONAL • INOVATIF

*Antologi*

# PANTUN

Editor

**AMIR KHALID**

**AKMAL NIZAM MOHAMMED**

**MOHAMAD ZAMIRUL ARIF TABRI**

**NURUL HANNAH MOHD SAFIEE**

**NURNISA AKILA ABD KADIR**



Penerbit  
UTHM

KUMPULAN PANTUN  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN  
MALAYSIA



*Antologi*

# PANTUN

KUMPULAN PANTUN  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN  
MALAYSIA



*Antologi*

# PANTUN

Editor

**AMIR KHALID  
AKMAL NIZAM MOHAMMED  
MOHAMAD ZAMIRUL ARIF TABRI  
NURUL HANNAH MOHD SAFIEE  
NURNISA AKILA ABD KADIR**



© Penerbit UTHM  
Cetakan Pertama 2023

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti.

Editor:  
Amir Khalid  
Akmal Nizam Mohammed  
Mohamad Zamirul Arif Tabri  
Nurul Hannah Mohd Safiee  
Nurnisa Akila Abd Kadir

Diterbitkan dan dicetak oleh:  
Penerbit UTHM  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
86400 Parit Raja,  
Batu Pahat, Johor  
No. Tel: 07-453 8698 / 8529  
No. Faks: 07-453 6145

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>  
E-mel: [pemasaran.uthm@gmail.com](mailto:pemasaran.uthm@gmail.com)  
<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah anggota  
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia  
(MAPIM)

## SENARAI PENYUMBANG

Prof. Ir. Ts. Dr. Ruzairi Bin Abdul  
Rahim  
Prof. Sr. Ts. Dr. Lokman Hakim  
Bin Ismail  
En. Rosdi Bin Abdullah  
Pn. Rozana Binti Mohd Jalil

Pusat Pengajian Bahasa  
Pusat Pengurusan Penyelidikan

Shakina Binti Shahlee  
Wardah Binti Mohd Zuraimee  
Azizi Bin Basar  
Syaza Binti Kasim



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-7566-23-8

# ISI KANDUNGAN

---

|   | <b>HALAMAN</b> |
|---|----------------|
| <i>Prakata</i>  | <i>vii</i>     |
| <i>Penghargaan</i>  | <i>ix</i>      |
| <i>Pengenalan</i>   | <i>xi</i>      |
| <br><b>HIMPUNAN PANTUN-PANTUN DALAM MAJLIS-MAJLIS RASMI UTHM</b>  |                |
| Pantun Disampaikan oleh Naib Canselor                             | 2              |
| Pantun Disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor                    | 8              |
| Pantun Disampaikan oleh En. Rosdi Pusat Kebudayaan                | 10             |
| Pantun Disampaikan oleh Puan Rozana Pengacara<br>Majlis           | 16             |
| Pantun Disampaikan oleh Pengarah Pusat Pengajian<br>Bahasa        | 34             |
| Pantun Disampaikan oleh Pengarah Pusat Pengurusan<br>Penyelidikan | 44             |
| <br><b>SUMBANGAN PANTUN NUKILAN WARGA UTHM</b>                    |                |
| Nukilan Shakina Shahlee   | 50             |
| Nukilan Wardah Mohd Zuraimiee                                     | 53             |
| Nukilan Azizi Basar   | 54             |
| Nukilan Syaza Kasim   | 55             |

|                                      |    |
|--------------------------------------|----|
| Majlis Program Fun Walk & Clean UTHM | 67 |
| <i>Biografi Editor</i>               | 69 |

# PRAKATA

---

Dengan nama Allah S.W.T zat yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang dan selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W ahli keluarga serta para sahabat. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kami menghasilkan sebuah buku karya kreatif yang bertajuk Antologi Pantun.

Buku ini menghimpunkan pelbagai rangkap pantun yang merupakan hasil koleksi daripada teks ucapan majlis-majlis rasmi yang pernah diadakan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Pantun-pantun yang terdapat dalam buku ini adalah berdasarkan ucapan-ucapan yang pernah diucapkan oleh Yang Berbahagia Naib Canselor, Timbalan-timbalan Naib Canselor, Pengarah Jabatan dan lain-lain. Selain itu terdapat juga beberapa sumbangan pantun yang telah diberikan oleh warga Universiti Tun Hussein Onn Malaysia sendiri.

Pantun merupakan sejenis puisi tradisional Melayu ciptaan terbaik, yang bersifat kolektif milik masyarakat Melayu yang diwarisi dari zaman ke zaman. Dengan bentuknya yang padat dan kemas, pantun sering menjadi pilihan dalam pelbagai acara kerana keistimewaannya menggambarkan kehalusan serta keprihatinan masyarakat Melayu terhadap alam dan ruang lingkup budayanya yang mencerminkan peribadi dan sifat terpuji orang Melayu. Pantun bukan sahaja digunakan untuk berjenaka, memberi nasihat, menyindir dan berhibur, malah pantun turut menjadi pemanis kata dalam sesutau majlis dan ucapan rasmi dari dahulu hingga kini. Pantun ialah sebuah puisi Melayu lama yang dapat menyampaikan warna-warna perasaan dengan lebih berkesan.



Sifat pantun sebagai suatu pengucapan dalam menyampaikan fikiran dan perasaan terhadap seseorang atau mengenai sesuatu membuatkan ia wajar untuk dikumpulkan sebagai rujukan mahupun panduan.

Semoga koleksi pantun dalam buku ini mampu memberikan sumbangan yang signifikan kepada semua warga universiti untuk kegunaan dalam majlis-majlis rasmi sebagai pembuka bicara pemanis kata.

## PENGHARGAAN

---

Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan buku ini secara langsung ataupun tidak. Bagi koleksi pantun yang diperolehi berdasarkan teks-teks ucapan Yang Berbahagia Naib Canselor UTHM iaitu Profesor Ir. Ts. Dr. Ruzairi Bin Rahim, diucapkan ribuan terima kasih kepada Mohd Khairul Naser Ibrahim. Seterusnya, terima kasih juga diucapkan kepada Maryam Husni bagi koleksi pantun yang diperolehi berdasarkan skrip ucapan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) iaitu Profesor Sr Ts. Dr. Hj. Lokman Hakim bin Hj Ismail. Bagi koleksi pantun yang dikumpul berdasarkan skrip ucapan dalam majlis-majlis Pusat Kebudayaan diucapkan ribuan terima kasih kepada Rosdi Abdullah atas hasil karyanya tersendiri. Seterusnya ribuan terima kasih juga kepada Rozana Mohd Jalil atas koleksi pantun daripada skrip-skrrip ucapan sebagai pengacara majlis di UTHM. Bagi koleksi pantun dari skrip ucapan Pusat Pengajian Bahasa diucapkan ribuan terima kasih kepada Nurulisyazila Othaman. Seterusnya ribuan terima kasih kepada Syaza Kasim bagi koleksi pantun berdasarkan skrip ucapan daripada Pusat Pengurusan Penyelidikan. Ribuan terima kasih juga kepada Shakina Shahlee, Wardah Mohd Zuraimie, Azizi Basar dan Syaza Kasim yang turut memberikan sumbangan hasil pantun nukilannya tersendiri.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada kakitangan Penerbit UTHM dalam meringankan beban membantu dalam pengumpulan koleksi pantun-pantun daripada warga Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Tidak dilupakan juga ribuan terima kasih diucapkan kepada para pelajar latihan industri di Pejabat Penerbit UTHM yang turut sama membantu dan memberi sokongan dalam penghasilan Antologi Pantun ini.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua warga, kakitangan universiti yang banyak bertolak ansur dan memberi sokongan dalam pembikinan antologi ini terutamanya kakitangan yang banyak memberikan maklumat untuk berhubung dengan pegawai-pegawai khas daripada Pejabat Canselor dan lain-lain. Semoga buku ini memberi manfaat dan menjadi kebanggaan kepada semua.

# PENGENALAN

---

Pantun dilihat sebagai satu khazanah Melayu kerana ia merupakan satu artifak bukan-benda yang bukan sahaja digunakan dalam kehidupan orang Melayu, tetapi mempunyai berbagai-bagai makna dan fungsi dalam budayanya. Pantun ini juga dianggap sebagai pernyataan tradisi budaya Melayu yang menerangkan kemantapan daya kreativiti dan pemikiran orang-orang Melayu. Menurut Harun Mat Piah (1996) menyatakan bahawa pantun adalah representasi manusia Melayu dari segi pemikiran, emosi dan sentimennya yang diserlahkan baik melalui rangkap. Jika dilihat dari segi istilah pantun dan sejarahnya pantun ini wujud dan berkembang dalam suatu tradisi lisan. Untuk melihat sejarah pantun ini ia boleh dilihat dengan mencari akar perkataan pantun itu sendiri dalam bahasa Melayu dan bahasa rumpunnya. Harun Mat Piah (1997) menyatakan akar kata tun dalam bahasa-bahasa Nusantara merujuk kepada sesuatu yang teratur yang lurus baik secara konkrit atau abstrak. Oleh yang demikian ia merasakan bahawa perkataan 'pantun' merupakan bentuk atau cara yang teratur dalam melahirkan sesuatu maksud atau fikiran.

Pantun dapat berfungsi dalam hampir setiap aktiviti kehidupan masyarakat Melayu (Jamilah Hj. Ahmad, 1993). Terdapat pelbagai jenis pantun yang mempunyai tema tertentu berkait rapat dengan perasaan cinta, kasih sayang, puji-pujian, nasihat, agama, adat, telatah dan corak hidup masyarakat. Tema yang diketengahkan akan disisipkan dengan latar alam. Oleh sebab alam itu indah, maka unsur-unsur alam diaplikasikan di dalam setiap rangkap pantun yang disampaikan atau dicipta. Segala pengalaman hidup, pandangan hidup dan falsafah yang ingin dikemukakan di dalam pantun menggunakan latar alam sebagai pembayang. Unsur-unsur tersebut secara tidak langsung memperlihatkan keakraban masyarakat Melayu lama dengan alam semulajadi.

Jika dilihat pantun telah digunakan secara meluas dalam kehidupan masyarakat. Pantun bukan sahaja dilihat dalam memberikan pengajaran yang bertujuan untuk memimpin dan mendidik malah pantun digunakan juga dalam ucapan-ucapan majlis yang bertujuan untuk menarik perhatian hadirin yang menghadiri sesuatu majlis. Oleh itu, pantun dilihat sebagai satu keindahan yang bukan sahaja sebagai didikan masyarakat dan sekadar adat malah ia menjadi satu keindahan dalam menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih.



**HIMPUNAN PANTUN-PANTUN  
DALAM MAJLIS-MAJLIS RASMI  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN  
MALAYSIA**





---

**PANTUN NUKILAN RUZAIRI BIN  
ABDUL RAHIM**

**Yang Berbahagia Naib Canselor UTHM**

---



# I


Melayar serindit di atas para,  
Kecapi merintih menghirup rasa,  
Awal bismillah pembuka bicara,  
Selamat datang kepada semua.

(Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor  
dan Konvokesyen ke-22 UTHM)


# II

Merafak kembang bunga Pakma,  
Anggerik mewarnai cantik berseri,  
Tuntutlah ilmu untuk semua,  
Sebagai bekalan untuk berbudi.

(Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor  
dan Konvokesyen ke-22 UTHM)








---

**PANTUN NUKILAN LOKMAN HAKIM**  
**HJ ISMAIL**  
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar

---



# I

UTHM masyur terbilang,  
Orangnya baik budi pekerti,  
Jika umur masih panjang,  
InshaAllah akan kita berjumpa lagi.

(Majlis sesi bersama kepimpinan negara  
minggu haluan siswa Sarjana Muda Semester)

# II


Mega berarak indah berbalam  
Dipuput bayu ke pohon ara  
Pemanis kalam selamat datang  
Awal bismillah pembuka bicara


(Majlis Perasmian Festival  
Konvokesyen 2022)

# III

Institusi Pendidikan menjulang  
azam  
Bangunkan bangsa ke mercu jaya  
Kukuhkan tekad sulamkan iltizam  
UTHM menjana bangsa berjaya.

(Majlis Perasmian Festival  
Konvokesyen 2022)






---

**PANTUN NUKILAN ROSDI  
ABDULLAH**

**Penolong Artis Budaya Pusat Kebudayaan  
UTHM**



# I

Masuk hutan mencari besi  
Hutan belantara kita terokai  
Festival Seni mengekalkan tradisi  
Agar anak muda terus menghargai

(Ucapan Festival Seni UTHM, 2016)

# II

Redup pohon di rumah Cik Siti  
Tombang pokoknya dimakan buaya  
Berkembang maju Pusat Kebudayaan Universiti  
Tempat mengumpul khazanah budaya

(Ucapan Festival Seni UTHM, 2017)





---

**PANTUN NUKILAN ROZANA MOHD  
JALIL**

Pengacara Majlis-Majlis Rasmi UTHM

---



# I

Bunga dedap di atas para,  
Anak semalu tumbuh melata,  
Andai pincang tutur bicara,  
Serendah hati kemaafan dipinta.

Jinak merpati dikejar jangan,  
Menuai huma seawalnya pagi,  
Pantun penutup buat kenangan,  
Di lain kesempatan bertemu lagi.

(Majlis Ramah Mesra Bersama  
Menteri Pengajian Tinggi, 2022)





---

# PANTUN NUKILAN

Pusat Pengajian Bahasa UTHM

---



I

Indah pantai bayu bertiupan  
Indah mentari di pagi hari  
Selamat datang kami ucapkan  
Bersama merai majlis ini

Sampan didayung menuju kuala,  
Singgah sebentar membeli bekalan;  
Masa yang dinanti sudahpun tiba,  
Dengan ini rasmi majlis dimulakan.

Tari diatur menyusun langkah,  
Langkah diatur si anak dara;  
Semoga majlis mendapat berkah,  
Mari mulai dengan doa.








---

# PANTUN NUKILAN

Pusat Pengurusan Penyelidikan

---






I  
Dari Raub, Ke Pontian,  
Terus Pula Ke Kuala Perlis,  
Harap Semua Beri Perhatian,  
Mohon Saya Mulakan Majlis.

Bukan Rumput Sebarang Rumput,  
Rumput Penghias Tepi Halaman,  
Bukan Jemput Sebarang Jemput,  
Jemput Memohon Kata Aluan.

Terbang Tinggi Burung Merpati,  
Terbang Tinggi Melewati Awan,  
Tuan Pengarah Sudah Menanti,  
Untuk Berucap Penuh Pesanan.

(Majlis Pusat Pengurusan  
Penyelidikan (RMC))



**SUMBANGAN  
PANTUN-PANTUN  
DARIPADA WARGA  
UNIVERSITI TUN  
HUSSEIN ONN  
MALAYSIA**

Biarkan pandan tumbuh di tepi,  
Takkan jingga merah nan saga,  
Biarkan jiran di kedai kopi,  
Jangan noda rumah nan syurga.

(Nukilan Shakina Shahlee)

Melayang serindit di atas permatang,  
Merbah berkicau di hujung muara,  
Pemanis kata selamat datang,  
Salam dan Bismillah pembuka bicara.

(Nukilan Shakina Shahlee)



## BIOGRAFI EDITOR

---



**Amir bin Khalid** merupakan profesor bidang Teknologi Automotif di Jabatan Teknologi Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Johor, Malaysia. Beliau juga merupakan pengarah Pejabat Penerbit UTHM dan juga penyelidik utama Center of Automotive and Powertrain Technology (CAPT). Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dan Ijazah Sarjana dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal dari Universiti Teknologi Malaysia. Beliau juga memiliki Ijazah Kedoktoran dari The University of Tokushima, Japan di dalam bidang kejuruteraan automotif. Sebelum menyertai UTHM, beliau berkhidmat sebagai jurutera di Panasonic AVC Network Johor Malaysia. Beliau juga aktif di sebagai panel penilai akademik bersama Board of Engineer (BEM) Malaysia dan Malaysia Board of Technologists (MBOT) disamping mempunyai kelayakan Chartered Engineer (CEng) dari Institution of Engineering and Technology (IET) dan ahli bagi Society of Automotive Engineering (SAE), Japan Society of Automotive Engineering (JSAE) dan The Institution of Engineers Malaysia (IEM)

<https://community.uthm.edu.my/amirk>

<https://scholar.google.com.my/citations?user=NFLDTQIAAAAJ&hl=en&oi=ao>

<https://www.scopus.com/authid/detail.url?authorId=55655797100>



**Akmal Nizam bin Mohammed** merupakan pensyarah bidang Kejuruteraan Termobendalir di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Johor, Malaysia.

Beliau juga merupakan pengarah Pejabat Penerbit UTHM dan juga penyelidik utama Combustion Research Group (CRG). Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dari University of Michigan di Amerika Syarikat, dan Ijazah Sarjana dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal dari Universiti Teknologi Malaysia. Beliau juga memiliki Ijazah Kedoktoran dari Universiti Sains Malaysia dalam bidang pengkomputeran dinamik bendalir. Sebelum menyertai UTHM, beliau berkhidmat sebagai jurutera di Malaysia Marine and Heavy Engineering, Pasir Gudang, Johor. Beliau juga merupakan ahli dalam Board of Engineers (BEM) Malaysia disamping mempunyai kelayakan sebagai Chartered Engineer (CEng) dari Institution of Mechanical Engineers (IMechE), United Kingdom.

<https://community.uthm.edu.my/akmaln>

<https://scholar.google.com/citations?user=LS2uaUgAAAAJ&hl=en>

<https://www.scopus.com/authid/detail.uri?authorId=56239039700>



**Mohamad Zamirularif bin Tabri** merupakan anak jati Parit Raja, Batu Pahat yang kini sedang berkhidmat di Pejabat Penerbit, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sebagai Pegawai Penerbitan dari tahun 2017 sehingga kini. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Seri Paya dan seterusnya menyambung pelajaran ke Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Segamat dari Tingkatan 1 (2005) sehingga

Tingkatan 6 (2011). Pada tahun 2012, beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana Muda di Universiti Teknologi Mara (UITM) Shah Alam dalam bidang Komunikasi dan Pengajian Media Massa pengkhususan dalam bidang Penerbitan. Selepas tamat pengajian, beliau telah berkhidmat di beberapa buah syarikat antaranya di Syarikat telekomunikasi Celcom Axiata Sdn. Bhd dan penerbit swasta dalam bahagian pemasaran.



**Nurul Hannah binti Mohd Safiee** merupakan bekas pelatih latihan industri di Penerbit UTHM tahun 2023. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kesusasteraan Melayu (2019) Akademi Pengajian Melayu di Universiti Malaya. Bidang yang diceburinya adalah berkaitan kesusasteraan Melayu yang mana dalam konteks pendidikan adalah karya asal yang tertulis dalam bahasa Melayu yang berunsurkan keindahan dan kehalusan sama ada berbentuk novel, cerpen, drama, sajak prosa mahupun puisi bagi mengimbangi perkembangan intelek, rohani, di samping memaparkan nilai kemanusiaan dan citra masyarakat.

Nurul Hannah banyak mempelajari tentang proses penghasilan karya sastera semasa menuntut di Universiti Malaya bukan itu sahaja bahkan beliau turut mempelajari tentang proses-proses penerbitan karya sastera yang membolehkan beliau telah diterima sebagai pelatih latihan industri di Penerbit UTHM. Ilmu yang dipelajari sedikit sebanyak dapat membantunya dalam melakukan kerja-kerja menyunting manuskrip sewaktu berada di Penerbit UTHM seperti manuskrip JUARA, Penerokaan dan Pembangunan, Harta Tak Alih serta *From Strategy to Strategic Agility*. Hasil daripada itu, beliau mampu menyumbang tenaga kepada penghasilan buku pantun ini.



**Nurnisa Akila Binti Abd Kadir** dilahirkan di Batu Pahat, Johor pada 18 Oktober 1997, merupakan Pembantu Sambilan di Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian Pemasaran dari Universiti Teknologi MARA pada tahun 2020. Mempunyai pengalaman bekerja di bidang promosi dan pemasaran selama dua tahun sebelum melibatkan diri dalam bidang editorial sehingga kini.